

NO SOALAN :50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID
(KOTA TINGGI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2015

Y.B. DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Amanah Raya mempunyai pelan strategik dalam membuat penambahbaikan ke atas pentadbiran harta pusaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan ARB sentiasa melaksanakan pemantauan ke atas prestasi

perkhidmatan syarikat bagi menambah baik sistem pentadbiran harta pusaka. Pemantauan ini meliputi strategi perniagaan, pelan tindakan dan pencapaian hasil perlaksanaannya agar syarikat dapat menghasilkan output yang tinggi dan berkualiti serta mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* yang ditetapkan.

Terdapat perancangan untuk mewujudkan capaian kepada data dan maklumat simati melalui penggunaan sistem ‘MyIdentiti’ yang diletakkan di bawah kawal selia Jabatan Pendaftaran Negara, sebagai satu langkah strategik untuk memudahkan urusan pewarisan oleh ARB. Usaha ini dijangka dapat menjadikan urusan permohonan pengurusan harta pusaka serta pengesanan ke atas status aset dan liabiliti simati dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan tepat. Perkara ini secara langsung akan dapat mempercepatkan urusan penyelesaian harta pusaka serta mengurangkan kadar pegangan wang amanah dan pusaka yang tidak dapat diserahkan kepada waris dan benefisiari.

Di samping itu, Kerajaan juga sedang mengkaji cadangan oleh ARB untuk mewujudkan suatu pusat maklumat setempat di mana semua

maklumat simati, waris, aset dan liabilitinya dapat dikongsi antara agensi-agensi berwajib yang terlibat dengan pengurusan harta pusaka seperti Mahkamah, Unit Pembahagian Pusaka Kecil, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Galian Persekutuan. Pusat ini diharap akan dapat meningkatkan kualiti pentadbiran harta pusaka di Malaysia di samping membantu mempercepatkan proses pentadbiran harta pusaka dan mengurangkan risiko penipuan oleh pelbagai pihak. Dengan adanya maklumat yang tepat, proses pengeluaran surat kuasa mentadbir dan perintah pembahagian harta pusaka dapat disegerakan.

Selain itu, ARB dengan sokongan pihak Kerajaan turut mengaturkan pelbagai Program Kesedaran Masyarakat melalui pembukaan 27 kaunter bergerak di seluruh negara yang menjangkau ke daerah-daerah terpilih di mana usaha ini dapat memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat dan membuat permohonan perwarisan tanpa perlu hadir ke pejabat cawangan ARB.